

# fokus

# Usaha martabatkan pendidikan Islam

Inisiatif sejak 2009  
mula membuahkan hasil

Oleh MOHD HASRIQ AMIRUDDIN  
penarang@utusan.com.my

**P**RIHATIN dengan nasib penduduk Islam Kemboja yang tidak mendapat pendidikan sebaiknya, empat sahabat dari Malaysia tidak teragak-agak untuk membantu perkembangan pelajar-pelajar Islam di daerah Kampot.

Bermula dengan perbincangan biasa, Zamerey Abdul Razak bersama tiga sahabatnya, Dr. Mohd Sukki Othman dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Rahimi Md. Saad dan Dr. Zawawi Ismail dari Universiti Malaya (UM) secara serius menggerakkan usaha pembangunan pendidikan umat Islam di Kemboja.

Malah pada 2009, Zamerey sendiri turun ke kawasan terpencil perkampungan Islam di Kemboja terutamanya di daerah Kampot, Kampung Chnnang dan kawasan berdekatan sempadan Vietnam bagi menilai sendiri keadaan umat Islam di sana dan mendapati bidang pendidikan perlu diberikan perhatian serius.

Pengalaman luas Mohd. Sukki di Kemboja memudahkan tugas empat sahabat tersebut untuk mendalami bahagian yang perlu diberikan perhatian sama ada di peringkat sekolah rendah, menengah atau universiti.



ZAWAWI ISMAIL



MOHD. SUKKI OTHMAN



**ROMBONGAN** Program Kembara Kemanusiaan 2015 yang dianjurkan Bank Rakyat meninjau keadaan kelas Maahad Akademi Imam Syafie.

## TUMPUAN KEPADA PELAJAR MENENGAH

Mereka akhirnya bersetuju untuk menumpukan perhatian kepada pelajar peringkat menengah memandangkan nasib pelajar sekolah rendah masih terbelah dengan agenda pembangunan pendidikan yang diterapkan oleh kerajaan Kemboja, sekali gus menubuhkan Maahad Akademi Imam Syafie Kampung Keh di Kampot dengan sumbangan besar daripada beberapa syarikat perbankan terkemuka Malaysia termasuk Bank Rakyat.

Menurut Zamerey, banyak masalah timbul di peringkat menengah kerana kebanyakan pelajar tidak menyambung pengajian, sebaliknya mengambil keputusan untuk kahwin pada usia muda, sekali gus mencetuskan isu sosial seperti penceraihan usia muda, lambakan anak yatim dan ramai wanita bergelar janda pada usia yang masih mentah.

Jelas beliau, melalui pendidikan, penduduk Islam Kemboja terutamanya, golongan muda dapat menumpukan perhatian kepada pelajaran dan mengelak

daripada berkahwin pada usia muda.

Malah hasil kajian mendapati, nisbah pelajar Islam yang melanjutkan pelajaran di universiti amat kecil, menyebabkan beliau dan rakannya berazam untuk menghasilkan produk yang dapat melanjutkan pengajian di menara gading.

“Kami memilih Kampung Keh kerana nasib umat Islam di Kampot kurang terbelah berbanding di daerah Kampuchea dan Phnom Penh dan pada 2009, hanya sebuah sekolah agama integrasi wujud di Kampot yang diusahakan oleh sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dengan bantuan kerajaan Kuwait.

“Sekolah terbabit tidak cukup untuk menampung keperluan pelajar Islam yang datang dari 33 buah perkampungan Islam di Kampot selain institusi berkenaan hanya menumpukan perhatian untuk membela nasib anak-anak yatim dan tiada pengisian pada waktu malam walaupun mereka tinggal di asrama.

Menerusi penubuhan Maahad Akademi Imam Syafie sejak 2011, lebih ramai pelajar berpeluang untuk mendapatkan ilmu terutamanya pendidikan agama termasuk

**RUMAH** guru yang disediakan di Maahad Akademi Imam Syafie Kampung Keh, Kemboja.

## FAKTA MAAHAD AKADEMI IMAM SYAFIE

**Mula dibina: 2010**

**Mula beroperasi: 2011**

**Yuran: AS\$1 (RM4.16)** sebulan bagi pelajar di asrama.

**Jumlah pelajar: 90 orang** (awal penubuhan), 200 orang (terkini).

**Jumlah guru: 20**

**Kemudahan:**

- Asrama lelaki dan asrama perempuan (sedang dibina).
- Bangunan belajar (lapan kelas).
- Rumah guru.
- Masjid.

**Bahasa Melayu dijadikan sebagai mata pelajaran wajib kepada pelajar**

fardu ain dan pengajian al-Quran walaupun pada awalnya empat sahabat itu sukar untuk mencari 30 pelajar seperti syarat yang ditetapkan kerajaan sehingga terpaksa merendahkan syarat kemasukan.

Namun selepas empat tahun beroperasi, nama Maahad Akademi Imam Syafie semakin terkenal di Kampot dan seluruh Kemboja apabila jumlah permintaan untuk memasuki institusi berkenaan meningkat kepada kira-kira 70 orang pada setiap tahun.

Malah ada pelajar dari luar daerah termasuk Kampuchea dan Phnom Penh datang ke Kampot untuk melanjutkan pengajian peringkat menengah, sekali gus menarik perhatian penyumbang untuk menyalurkan dana bagi pembangunan pendidikan di negara itu.

Antara pencapaian yang membanggakan, pelajar maahad itu pernah mendapat tempat ketiga dalam pertandingan kuiz peringkat wilayah dan tempat ketiga pertandingan hafazan apabila seorang pelajar berjaya menghafal lima juzuk dalam tempoh enam bulan.

“Pelajar terbabit menerima hadiah sebanyak AS\$400 (RM1,600) dan kita menambah hadiah itu sebanyak AS\$200 (RM832) lagi sebagai ganjaran mengharumkan nama maahad.

“Kami menjadikan kejayaan tersebut sebagai motivasi kepada pelajar lain untuk berjaya dalam bidang akademik mahupun agama demi membina masa depan yang lebih baik,” ujar beliau.



**ROMBONGAN** kakitangan Bank Rakyat dan sukarelawan bergambar di hadapan Maahad Akademi Imam Syafie semasa mengadakan Program Kembara Kemanusiaan 2015, di Kemboja baru-baru ini.